



MAKLUMAT LANJUT

PENGENALAN

Kerajaan Negeri Selangor (SUK) telah bersetuju untuk menubuhkan Tabung Pendidikan Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat (TPTAA) khusus untuk program Diploma Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat dan Ijazah Sarjana Muda Al-Quran Dan Al-Qiraat, Universiti Islam Selangor, UIS.

Tajaan tersebut merangkumi yuran pengajian, yuran penginapan dan elaun sara diri sepanjang tempoh pengajian, tertakluk kepada syarat-syarat yang telah dipersetujui pihak SUK.

SEKALUNG PENGHARGAAN KEPADA PIHAK PENAJA :

1. MENTERI BESAR SELANGOR (PEMERBADANAN) (MBI)
2. PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR (PKNS)
3. KUMPULAN PERANGSANG SELANGOR BERHAD (KPSB)
4. PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR (PKPS)
5. PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD (PNSB)
6. KUMPULAN SEMESTA SDN BHD (SEMESTA)
7. WORLDWIDE HOLDINGS
8. CENTRAL SPECTRUM (M) SDN BHD (CSSB)
9. KDEB WASTE MANAGEMENT SDN BHD

☎ 03-89117000/1434

✉ STK@UIS.EDU.MY

🌐 <https://www.uis.edu.my>

SEKSYEN TAJAAN & KEBAJIKAN
BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR
UNIVERSITI ISLAM SELANGOR (UIS)

*SAMPAN BERKOLEK KE TANJUNG TUAN
BAWA MUATAN SEKARUNG PADI
UCAPAN DIBERI PENUH PENGHARGAAN
TERIMA KASIH SEKALUNG BUDI.....*

TABUNG PENDIDIKAN TAHFIZ AL-QURAN & AL-QIRAAT (TPTAA)



SEKSYEN TAJAAN & KEBAJIKAN
BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR
UNIVERSITI ISLAM SELANGOR (UIS)

MOHON SEKARANG KUOTA TERHAD !

SYARAT AM PERMOHONAN

Kelahiran

- Warganegara Malaysia dan anak Selangor (pemohon atau ibubapa lahir di Selangor)
- Pemohon telah bermastautin lebih dari lima (5) tahun di Selangor dengan pengesahan ADUN / Penghulu / Pengerusi JKKK / Ketua Kampung
- Pemohon bukan anak / bermastautin di Selangor dengan kadar had kifayah bawah RM5,000.00

Penetapan kuota

- 70% : Anak Selangor / bermastautin di Selangor
- 30% : Bukan anak Selangor

Tahun & status pengajian

- Pelajar semester 1 sahaja
- Pelajar sepenuh masa di UIS

KADAR INSENTIF PEMBIAYAAN

Peringkat Pengajian	Semester yang dibiaya	Kepuasan Semester yang diambil kira	Pencapaian PNG	Yuran Pengajian	Yuran Penginapan	Bayaran Elau Sara Diri
Diploma	1	Tiada	Tiada	Ditaja	Ditaja	Ditaja
	2 - 6	1 - 5	2.75 - 4.00	Ditaja	Ditaja	Ditaja
			2.00 - 2.74	Ditaja	Ditaja	Tidak Ditaja
Ijazah Sarjana Muda	1	Tiada	1.99 ke bawah	Tidak Ditaja	Tidak Ditaja	Tidak Ditaja
	2 - 8	1 - 7	3.00 - 4.00	Ditaja	Ditaja	Ditaja
			2.50 - 2.99	Ditaja	Ditaja	Tidak Ditaja
			2.49 ke bawah	Tidak Ditaja	Tidak Ditaja	Tidak Ditaja

SYARAT AKADEMIK

DIPLOMA Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat (IS16) FPPI	IJAZAH SARJANA MUDA Al-Quran & Al-Qiraat (Kepujian) (BI04), FPPI	IJAZAH SARJANA MUDA Pendidikan Dengan Kepujian (Pendidikan Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat) (BE03), FP
• Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau yang setara dengannya dengan syarat minimum mempunyai tiga (3) kredit dan lulus satu (1) subjek Bahasa Arab atau satu (1) subjek Pengajian Islam yang diiktiraf; atau • Lulus sijil dalam Pengajian Islam atau bidang berkaitan (tahap 3 MQF) dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00; dan • Lulus temuduga dalaman; dan • Lulus tebuk Al-Quran	• Lulus Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan PNGK 2.00 daripada 4.00 dan lulus penuh dalam 2 mata pelajaran (satu daripadanya mata pelajaran yang berkaitan dengan Pengajian Islam); atau • Lulus Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan mendapat pangkat maqbul; atau • Lulus Matrikulasi dari mana-mana IPTA/IPTS/Institusi yang dibenarkan menawarkan program asasi dalam bidang Pengajian Islam dengan PNGK minimum 2.00; atau • Lulus Diploma Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat yang diiktiraf oleh Jawatankuasa Senat KUIS; atau • Lulus Diploma yang diiktiraf dalam Pengajian Islam atau setaraf, dengan PNGK minimum 2.00; dan • Mempunyai Sijil Tamat Hafazan Al-Quran yang diiktiraf oleh Jawatankuasa Senat KUIS; dan • Lulus temuduga dalaman; dan • Lulus tebuk Al-Quran	• Lulus Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan (NGMP 2.00) dalam 2 mata pelajaran dan satu daripadanya dalam mata pelajaran yang berkaitan dengan Pengajian Islam; atau • Lulus kelayakan setara STPM seperti A-level, dengan syarat lulus sekurang-kurangnya satu subjek Pengajian Islam dalam kelayakan itu; atau • Lulus Matrikulasi atau kelayakan yang diiktiraf sebagai Asasi Pengajian Islam dengan PNGK minimum 2.00; atau • Lulus dengan gred keseluruhan Jayyid dalam Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM); atau • Mempunyai Diploma Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat (Tahap 4, KKM) dengan sekurang-kurangnya PNGK 2.00; atau • Diploma (Tahap 4, KKM) yang diiktiraf dalam Pengajian Islam atau setaraf dengan PNGK minimum 2.00; atau • Kelayakan lain yang diiktiraf setara dengannya oleh kerajaan Malaysia; dan • Mempunyai Sijil Tahfiz 30 juzu' yang diiktiraf; dan • Lulus temuduga dalaman; dan • Lulus tebuk Al-Quran

DOKUMEN PERJANJIAN TAJAAN TPTAA KEPADA PELAJAR LAYAK TAJAAN TPTAA

Pelajar yang layak menerima tajaan akan dikehendaki melengkapkan Dokumen Perjanjian TPTAA mengikut proses dan dalam tempoh yang telah ditetapkan.